

13 SEP 1999

MAHATHIR-MATAWANG

SERUAN M'SIA BAGI KERANGKA KEWANGAN BARU MAKIN DITERIMA

PETALING JAYA, 13 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini, berkata seruan Malaysia supaya diadakan kerangka baru kewangan antarabangsa telah diterima secara meluas apabila semakin ramai orang sedar kesan yang merosakkan perdagangan matawang tanpa kawalan kepada perdagangan dunia.

Mengulas kenyataan Presiden Amerika Bill Clinton mengenai kerangka kewangan antarabangsa, Perdana Menteri berkata: "Orang ramai mula melihat bahawa perdagangan matawang amat merosakkan kepada perdagangan dunia."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Undang-Undang Komanwel, di sini.

Bill Clinton semasa berucap di sidang kemuncak ketua pegawai eksekutif yang diadakan serentak dengan mesyuarat Apec di Auckland semalam, untuk pertama kalinya berkata "adalah menjadi satu kesilapan jika kerangka kewangan tidak dirombak."

Ini jelas mencerminkan pendirian konsisten Malaysia supaya sistem kewangan global dirombak, jika tidak ekonomi-ekonomi membangun akan terus menjadi mangsa kepada spekulator matawang yang tidak berperikemanusiaan.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah kehilangan kuasa membeli sebanyak AS\$50 bilion dalam setahun semasa nilai ringgit susut 50 peratus sementara rantau Asia Timur kehilangan beratus bilion dolar akibat kegawatan matawang.

Beliau berkata dalam senario ini, perdagangan dunia juga akan menguncup.

"Jadi kini mereka telah menyedarinya. Apabila kita tidak dapat membeli kapal terbang Boeing, misalnya," tambahnya.

Sebelum itu dalam ucapan beliau, Perdana Menteri berkata para pedagang matawang mungkin telah meragut beberapa bilion dolar daripada kekayaan orang lain yang mengambil berdekad-dekad lamanya untuk dikumpul.

Kerajaan di negara-negara yang diserang oleh spekulator dikecam kerana tidak telus, kerana kronisme dan rasuah tetapi kejayaan kerajaan dalam mencapai pertumbuhan tinggi yang berterusan bagi ekonomi mereka diketepikan sebagai tidak relevan.

Para pedagang matawang tidak boleh dikecam walaupun matawang-matawang susut nilainya hanya selepas mereka mula menyerang matawang-matawang ini, kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata matawang tidak boleh susut nilai dengan sendiri dan tindakan menjual singkat yang telah menyebabkan penyusutan nilai semasa krisis ini.

"Adalah jelas bahawa para pedagang matawang dan kegiatan jualan singkat mereka yang menyusutkan nilai matawang.

"Tetapi sekiranya seseorang itu mendakwa pedagang matawang menyebabkan penyusutan nilai, mereka akan menghukum orang yang mendakwa dengan menyusutkan lagi nilai matawang," katanya. -- BERNAMA

AD/MFJ JR